

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 08 OKTOBER 2019

MUKA SURAT: 18

Tommy belum putus sama ada beri keterangan melalui affidavit

SHAH ALAM 7 Okt. - Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas sehingga kini belum menyatakan untuk memberi keterangan dalam kotak saksi atau melalui affidavit berhubung perbicaraan komital (menghina mahkamah) inkues kematian anggota bomba, Muhammad Adib Mohd. Kassim.

Mewakili keluarga Muhammad Adib, Peguam Hanif Khatri Abdulla menjelaskan, perkara tersebut hanya akan diketahui

sebelum perbicaraan kes tersebut bermula.

"Peguam Negara belum memutuskan sama ada pihaknya akan menggunakan dua affidavit yang difailkan sebelum ini atau memberi keterangan dalam kotak saksi atau gabungan kedua-dua kaedah itu.

"Bagaimanapun, kebiasaannya 90 peratus responden bergantung pada affidavit," katanya selepas tamat pengurusan kes

prosiding komital terhadap Peguam Negara di hadapan Koroner Rofiah Mohamad di sini hari ini.

Terdahulu, Rofiah kemudian menetapkan 21 Oktober ini sebagai tarikh mendengar permohonan penggantungan perbicaraan komital itu selain menetapkan 4 November sebagai keputusannya.

Haniff Khatri berkata, Peguam Negara juga boleh memaklumkan perkara tersebut pada hari perbicaraan yang ditetap-

kan Mahkamah Koroner pada 14 November nanti atau lebih awal daripada tarikh berkenaan.

"Sekiranya awal lebih elok dan kemudian Peguam Negara akan disoal balas oleh peguam keluarga Muhammad Adib," katanya.

Sementara itu, Peguam Kanan Persekutuan, S. Narkunavathy memberitahu mahkamah, ketika ini pihaknya hanya menerima arahan akan menggunakan dua affidavit yang difailkan Peguam Ne-

gara dan bekas pengendali inkues, Hamdan Hamzah sebelum ini.

Katanya, berkenaan permohonan substantif, pihaknya sudah menghantar surat pada 30 September lalu kepada Tetuan Mohd. Zubir Embong & Associate untuk memaklumkan responden terima pakai menggunakan dua affidavit sebelum ini.

"Kami pohon satu tarikh singkat untuk penggantungan prosiding," katanya.